

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR HJ NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 11 JUN 2015**

**SOALAN :**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan:-**

- (a) langkah-langkah yang Kementerian lakukan bagi menaikkan harga komoditi; dan
- (b) bila jangkaan Kementerian harga getah akan kembali stabil semula.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor komoditi seperti sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada merupakan industri yang berorientasikan eksport dan harganya bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan permintaan dari negara-negara pengimport utama.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa proaktif dalam menerajui usaha-usaha memperkukuh dan menstabilkan harga serta meningkatkan daya saing industri komoditi negara melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

i. **Meningkatkan Penggunaan Domestik Produk-Produk Komoditi**

Untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan, MPIC telah melaksanakan Program Biodiesel B7 mulai November 2014 di seluruh negara untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit serta mengurangkan stok bagi memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil-CPO*). Kementerian juga sedang menimbang untuk meningkatkan program biodiesel sedia ada ke tahap Program B10.

Bagi sektor getah pula, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan kerjasama Malaysia, Indonesia dan Thailand, ketiga-tiga negara pada 20 November 2014 telah bersetuju untuk meningkatkan penggunaan getah domestik sebanyak 10 peratus setahun bagi mengurangkan stok getah asli semasa dunia yang tinggi iaitu, 3 juta tan. Di samping itu, usaha juga akan terus diambil untuk menambahkan bilangan ahli ITRC untuk memperkukuhkan keberkesanan pakatan ITRC. Vietnam baru-baru ini telah menyatakan persetujuan untuk menyertai ITRC. Penyertaan Vietnam akan mengukuhkan lagi kerjasama ini, di samping membantu meningkatkan syer global pengeluaran negara-negara anggota ITRC daripada 67% kepada 74% memandangkan Vietnam kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia.

Selain itu, Mesyuarat Peringkat Menteri *Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli* (ANRPC) di Kuala Lumpur pada 8 Mei 2015 telah bersetuju untuk mengadakan mekanisme untuk mengimbangi penawaran dan permintaan getah asli dunia. Negara-negara ANRPC menghasilkan hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

- ii. Meningkatkan Permintaan dengan Memperkukuh Pasaran Sedia Ada dan Meneroka Pasaran Baharu

MPIC giat menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di luar negara melalui penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi mempromosi produk komoditi yang dikeluarkan oleh syarikat dan pembekal tempatan serta meningkatkan lagi tahap kesedaran pengguna mengenai kemampuan dan kebaikan produk komoditi keluaran Malaysia.

MPIC juga berusaha bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik dalam perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau seperti *Trans Pacific Partnership* (TPP) dan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) bagi membolehkan produk komoditi dieksport ke pasaran yang lebih luas.

iii. Mempergiatkan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta Memberi Nilai Tambah kepada Produk Hiliran Komoditi

Bagi memastikan sektor komoditi terus berdaya saing di pasaran antarabangsa, aktiviti R&D tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan penggunaan produk-produk komoditi dan penghasilan produk nilai tambah tinggi untuk pasaran eksport. Antaranya ialah produk farmaseutikal berasaskan sawit,

*industrial rubber goods*, produk kosmetik berasaskan koko, produk nilai tambah lada seperti Lada Steril (Mikrokleen) dan Lada Putih Krim, serta pembangunan produk papan lapis dan gergaji daripada batang kelapa sawit.

Dalam sektor getah pula, Malaysia telah mencapai kesepakatan melalui ITRC untuk bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru getah antara ketiga-tiga negara anggotanya.

iv. Program Tanam Semula dan Tanam Baharu

Penanaman semula pokok-pokok komoditi yang tidak lagi produktif pada ketika harga komoditi berada di paras yang rendah merupakan strategi serampang dua mata yang boleh mengurangkan stok bahan mentah komoditi-komoditi ini. MPIC melalui agensi-agensi di bawahnya mempunyai pelbagai program Tanam Semula dan Tanam Baharu merangkumi sawit, getah, ladang hutan, koko, lada dan kenaf.

- (b) Harga getah asli semasa dan di masa hadapan bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dunia serta dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran getah asli dunia.

Sekian, terima kasih.